

**Terma dan Syarat  
Kempen AFFIN INVICTA**

**1.0 Definisi**

- 1.1 **Kempen AFFIN INVICTA** ("Kempen") dianjurkan oleh Affin Bank Berhad ("pihak Bank"). Kempen ini tertakluk pada Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di sini. Perkataan dan ungkapan di bawah mempunyai maksud yang berikut, melainkan jika konteksnya mempunyai makna yang lain:
- 1.1.1 "**AFFIN BANK**" bermaksud Affin Bank Berhad [197501003274 (25046-T)]
  - 1.1.2 "**AFFIN ISLAMIC**" bermaksud Affin Islamic Bank Berhad [200501027372 (709506-V)]
  - 1.1.3 "**Kad AFFIN INVICTA**" merujuk kepada Kad Kredit AFFIN INVICTA dan sebarang kad kredit/kad kredit-i AFFIN INVICTA yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
  - 1.1.4 "**Ahli Kad**" merujuk kepada pemegang Kad AFFIN INVICTA seperti Klausula 1.1.3.

**2.0 Tempoh Kempen**

- 2.1 Kempen ini sah dari **8 Mac 2021 hingga 31 Ogos 2021** termasuk kedua-dua tarikh, atau tempoh lain yang akan ditentukan oleh pihak Bank ("Tempoh Kempen") dari semasa ke semasa.

**3.0 Kelayakan**

- 3.1 Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad yang memenuhi kriteria di bawah ("Ahli Kad Yang Layak")
  - 3.1.1 Ahli Kad Utama Kad AFFIN INVICTA.
  - 3.1.2 Memegang Kad AFFIN INVICTA yang sah dan akaunnya dalam keadaan baik dalam Tempoh Kempen dan semasa pemenuhan hadiah dilakukan.
- 3.2 Individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
  - 3.2.1 Kakanangan tetap dan kontrak Affin Bank Berhad dan Affin Islamic Bank Berhad;
  - 3.2.2 Ahli Kad AFFIN INVICTA yang gagal membuat bayaran dan kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank, atau akaun Kad AFFIN INVICTA telah digantung, disenarai hitam, dibatalkan atau ditamatkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen atau semasa pemenuhan hadiah dilakukan, tertakluk pada budi bicara pihak Bank; dan
  - 3.2.3 Ahli Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan atau salah laku berhubung dengan akaun Kad AFFIN INVICTA atau mana-mana kemudahan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Bank.

**4.0 Mekanisme Kempen**

- 4.1 Ahli Kad Yang Layak layak untuk menang hadiah jaminan dengan berbelanja sebanyak minimum RM20,000 menggunakan Kad AFFIN INVICTA dalam tempoh masa seperti berikut:
- 4.1.1 **Ahli Kad dengan Kad AFFIN INVICTA baru yang diluluskan dalam tempoh Kempen** – berbelanja sebanyak minimum RM20,000 dalam tempoh 45 hari dari tarikh Kad AFFIN INVICTA diluluskan.
  - 4.1.2 **Ahli Kad sedia ada** - berbelanja sebanyak minimum RM20,000 dari 8 Mac 2021 hingga 21 April 2021, termasuk kedua-dua tarikh.

- 4.2 Perbelanjaan Runcit Yang Layak bagi Kempen ini merujuk kepada perbelanjaan runcit tempatan, dalam talian dan/atau luar negara yang dicaj ke mana-mana Kad AFFIN INVIKTA Ahli Kad Yang Layak dalam Tempoh Kempen (“Perbelanjaan Runcit Yang Layak”).
- 4.3 Yang berikut TIDAK dianggap sebagai Perbelanjaan Runcit Yang Layak:
- 4.3.1 Transaksi yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan, perjudian atau perbelanjaan permainan dalam talian secara haram;
  - 4.3.2 Transaksi pengeluaran tunai, pendahuluan tunai, pemindahan baki;
  - 4.3.3 Ansuran bulanan untuk sebarang kemudahan pembayaran ansuran oleh pihak Bank;
  - 4.3.4 Yuran dan caj seperti bayaran faedah, yuran tahunan, yuran pengeluaran tunai, caj ganti rugi atas kelewatan bayaran;
  - 4.3.5 Bayaran baki belum jelas, dan
  - 4.3.6 Bayaran balik, transaksi yang tidak sah/berbalik, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.
- 4.4 Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi runcit yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan Kad AFFIN INVIKTA dalam Tempoh Kempen akan dikumpulkan dan dikira di bawah jumlah perbelanjaan runcit Ahli Kad Utama.

## **5.0 Hadiah Kempen**

- 5.1 Lapan puluh lapan (88) Ahli Kad Yang Layak pertama yang memenuhi perbelanjaan runcit minimum yang dinyatakan di dalam klaus 4.1 di atas (“Pemenang”) akan berhak untuk menang sebuah beg komputer riba besar Alpha 3 TUMI (“Hadiah”) atas dasar yang terdahulu didahulukan.
- 5.2 Setiap Pemenang, layak untuk memenangi hanya satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.3 Hadiah diberikan dalam keadaan “sedia ada”, tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya. Pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah yang ditawarkan dengan Hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atas apa juar sebab.
- 5.4 Pihak Bank tidak memberikan sebarang jaminan atau jaminan kepuasan berkaitan Hadiah. Pemenang hendaklah berurusan/membuat penyelesaian secara terus dengan pembekal untuk sebarang pertikaian berkaitan kualiti atau jaminan ke atas Hadiah atau apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan.
- 5.5 Pihak Bank tidak akan memberikan sebarang gantian atau penukaran terhadap Hadiah sekiranya Pemenang menolak dan/atau meminta pilihan alternatif.
- 5.6 Gambar Hadiah yang ditunjukkan di sebarang iklan, promosi dan bahan yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini adalah untuk tujuan illustrasi sahaja dan tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah (jika berkaitan) dan tidak termasuk aksesori tambahan.

**6.0 Pemenuhan Hadiah Kempen**

- 6.1 Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau e-mel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
- 6.2 Cara pengagihan Hadiah akan ditentukan oleh pihak Bank.
- 6.3 Pemenang mungkin dikehendaki untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah atau apa-apa acara publisiti yang lain di lokasi yang disahkan oleh pihak Bank, sekiranya diperlukan dengan kos perbelanjaan ditanggung oleh pemenang sendiri. Pihak Bank mempunyai hak eksklusif untuk menerbitkan atau memaparkan nama dan gambar Pemenang di media, bahan-bahan pemasaran dan pengiklanan atau laman web pihak Bank untuk tujuan publisiti Kempen ini.
- 6.4 Hadiah tidak boleh ditukar oleh Ahli Kad Yang Layak dengan wang tunai atau barang lain.
- 6.5 Keputusan pihak Bank ke atas semua perkara berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Ahli Kad Yang Layak. Sebarang surat-menyerat, rayuan atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
- 6.6 Bank bukan pembekal hadiah dan tidak memberikan jaminan atau perwakilan mengenai kualiti, kebolehdagangan dan/atau kesesuaian untuk tujuan pemberian hadiah yang diberikan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecacatan atau kerugian atau kerosakan lain yang mungkin dialami berkaitan dengan pemberian tersebut. Segala pertikaian mengenai hadiah yang diberikan oleh pedagang harus diselesaikan secara langsung antara Ahli Kad Yang Layak dan pedagang.

**7.0 Pematuhan kepada Terma dan Syarat Kempen**

- 7.1 Semua Ahli Kad Yang Layak dikehendaki untuk mematuhi dan secara jelas bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen.
- 7.2 Semua Terma dan Syarat yang tertakluk di dalam ini ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan dibicara di mahkamah di Kuala Lumpur.
- 7.3 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan tidak akan menerima apa-apa bentuk liabiliti dalam apa jua jenis dan bagaimana timbulnya atau dialami oleh Ahli Kad Yang Layak yang berhasil secara langsung atau tidak langsung dari penyertaan Ahli Kad Yang Layak dalam Kempen ini kecuali kerugian yang disebabkan oleh kecuaian, kegagalan atau pelanggaran oleh Pihak Bank. Selain itu, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan kewajipan di bawah Kempen kerana sebarang peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan pihak Bank.
- 7.4 Pihak Bank boleh menarik balik, membatalkan atau menggantung Kempen lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan Kempen di luar Tempoh Kempen tertakluk kepada ketersediaan dana dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman webnya.

- 7.5 Dengan menyertai kempen ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Bank di [www.affinonline.com](http://www.affinonline.com) atau [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my) dari semasa ke semasa untuk mengetahui terma dan syarat dan untuk memastikan bahawa mereka sedia maklum dengan perubahan atau variasi yang dibuat kepada terma dan syarat.
- 7.6 Pihak Bank boleh mengubah, meminda dan/atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan akan diumumkan dengan notis terdahulu di laman web pihak Bank di [www.affinonline.com](http://www.affinonline.com) dan [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my)
- 7.7 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran kepada pemprosesan Data Peribadi oleh pihak Bank dan pihak Bank dengan ini bersetuju untuk mengumpul dan menggunakan untuk tujuan Kempen. Ahli Kad Yang Layak bersetuju untuk membenarkan Pihak Bank memasarkan produk Kumpulannya atau syarikat bersekutu kepada Ahli Kad Yang Layak kecuali Ahli Kad Yang Layak secara secara jelas memilih keluar dengan menghubungi mana-mana cawangan Pihak Bank.
- 7.8 Notis Privasi Kumpulan kami yang boleh didapati di mana-mana pejabat atau cawangan pihak Bank atau di laman web [www.affinonline.com](http://www.affinonline.com) dan [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my)
- 7.9 Ahli Kad Yang Layak hendaklah mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan peraturan-peraturan, notis dan garis panduan dan hendaklah mengatur atau menyelaras, mengurus dan mendapatkan semua persetujuan, lesen, kelulusan atau kebenaran yang diperlukan yang berkaitan dengan perlaksanaan, prestasi, kesahan atau kebolehkuasaan Transaksi Dokumen.
- 7.10 Untuk sebarang bantuan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, Ahli Kad Yang Layak boleh menghubungi pihak Bank di saluran berikut:
  - Pusat Panggilan di 03 – 8230 2323; atau
  - Borang Maklum Balas di [www.affinbank.com.my](http://www.affinbank.com.my) dan [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my)
- 7.11 Ahli Kad yang Layak dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini. Sekiranya terdapat terma dan syarat yang tidak difahami oleh Ali Kad Yang Layak dalam Terma dan Syarat ini, Ahli Kad Yang Layak dengan ini dinasihatkan untuk berbincang lebih lanjut dengan kakitangan, wakil atau ejen pihak Bank.
- 7.12 Versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris boleh didapati di [www.affinonline.com](http://www.affinonline.com) dan [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my)